

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(III)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
YB. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

12. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam menghadapi krisis ekonomi global yang dijangka akan memberi kesan yang hebat kepada industri pembuatan, terutama pengilang-pengilang di Free Trade Zone Bayan Lepas?.

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Dalam menghadapi krisis ekonomi global yang berlaku kebelakangan ini dan diburukkan lagi dengan krisis pandemik wabak COVID-19 yang telah memberi impak yang besar kepada kegiatan ekonomi sektor perusahaan di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Invest Penang telah mengambil beberapa inisiatif sebagai langkah mitigasi bagi meminimumkan kesan-kesan negatif akibat daripada situasi ini. Di antaranya adalah seperti berikut :-
- (i) Bekerjasama rapat dengan agensi berkaitan terutamanya MIDA dan MDEC, untuk mendapat maklumat terkini dan maklumat sekatan untuk kilang-kilang dan syarikat-syarikat yang beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
  - (ii) Berkommunikasi dengan syarikat-syarikat yang memerlukan penjelasan / nasihat untuk beroperasi dalam tempoh PKP;
  - (iii) Mengadakan panggilan video / audio, bersama dengan pengurusan Syarikat Multinasional (MNC) mengenai perkembangan projek-projek pelaburan mereka di Pulau Pinang; dan

- (iv) Memaklumkan dari semasa ke semasa kepada pelabur-pelabur mengenai situasi wabak COVID-19 di Pulau Pinang khususnya dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menghalang penyebarannya.

Apabila keadaan menjadi stabil, Invest Penang akan terus mengambil langkah-langkah mitigasi serta pemulihan ekonomi negeri seperti berikut:-

- (i) Menjalankan aktiviti promosi pelaburan, termasuk misi luar negeri, untuk bertemu dengan pelabur-pelabur potensi dan sedia ada untuk meneroka peluang pelaburan di Pulau Pinang;
- (ii) Mengadakan program untuk meningkatkan rantai bekalan (enhance the supply chain) di Pulau Pinang, termasuk "Hari Pembekal" (Supplier Day) untuk pemanfaatan perniagaan (business matching). Program ini boleh membantu syarikat-syarikat multinasional untuk mendapat sumber bahan (raw material) di Penang dan boleh membantu perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana untuk menembusi rangkaian bekalan syarikat-syarikat multinasional; dan
- (iii) Menganjurkan program berkaitan "upskilling" sumber manusia untuk industri perkhidmatan Global Business Services (GBS).

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat yang menyeluruh dengan jumlah dana RM75 juta pada 25 Mac 2020 sebagai sokongan kepada kumpulan sasar yang terjejas akibat pelaksanaan PKP akibat pandemik COVID-19.

Pakej bantuan yang berkaitan secara langsung dengan sektor perusahaan khususnya dalam kategori Perusahaan Kecil dan sederhana (PKS) antara lainnya adalah seperti berikut :-

- (i) Menyediakan Skim Peka PKS, iaitu satu skim pinjaman tanpa faedah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM30 juta yang disalurkan melalui PDC. Ia diwujudkan di bawah pakej rangsangan ekonomi negeri Pulau Pinang pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertujuan menyediakan pinjaman modal pusingan secara cepat kepada IKS dan PKS yang terjejas teruk akibat PKP bagi memastikan kelangsungan perniagaan selepas tempoh kesukaran ini;

- (ii) Penangguhan tempoh pembayaran kepada Kerajaan Negeri yang melibatkan bayaran cukai petak atau cukai tanah daripada 31 Mei 2020 kepada 30 Ogos 2020; dan
- (iii) Penangguhan tempoh pembayaran balik pinjaman Skim Pinjaman Harapan, Tabung Usahawan Tani dan Pinjaman Penuntut selama tiga bulan.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi prihatin rakyat dengan dana tambahan sejumlah RM10 bilion khusus bagi menyokong Perniagaan Usahawan Mikro dan Perusahaan Kecil serta Sederhana (PKS) yang terjejas dalam tempoh PKP akibat pandemik COVID-19 .

Manakala bagi Syarikat Multinasional (MNC) yang kebanyakannya beroperasi di kawasan Free Trade Zone Bayan Lepas, Kerajaan Negeri melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh Invest Penang akan terus menjalankan kerjasama rapat untuk mendapatkan semula keyakinan mereka di Pulau Pinang dan membantu mereka dalam operasi apabila situasi krisis ekonomi menjadi stabil semula. Langkah-langkah seperti mengukuhkan asas industri akan terus diberi perhatian agar dapat menarik syarikat-syarikat yang boleh membawa pelaburan yang berkualiti tinggi dari pelbagai segmen, supaya Pulau Pinang tidak terlalu bergantung kepada industri pembuatan yang “highly cyclical”.

Contohnya, Kerajaan Negeri fokus dalam membangunkan segmen peranti perubatan (medical device) yang menyediakan pertumbuhan industri yang konsisten dan tiada kitaran (consistent growth and non-cyclical).

Di samping itu, Kerajaan Negeri akan terus mempromosikan industri GBS. Pulau Pinang sekarang mempunyai lebih daripada 60 syarikat GBS dan banyak daripada mereka adalah MNC yang juga mempunyai operasi perkilangan. Dengan memiliki keupayaan dalam kedua-dua pembuatan dan GBS, Pulau Pinang adalah lebih kompetitif dari banyak segi, seperti kos dan kecekapan (efficiency), jika dibandingkan dengan lokasi-lokasi lain yang hanya mempunyai keupayaan dalam pembuatan.

Untuk industri yang berkaitan dengan elektrik dan elektronik (E&E), Pulau Pinang secara beransur-ansur mempelbagaikan secara menegak (diversified vertically) dan meningkatkan kedudukan di rantaian nilai (gradually move up the value chain). Pulau Pinang

berusaha untuk menarik syarikat-syarikat untuk membuat aktiviti huluan (upstream activities), seperti menubuhkan pusat penyelidikan dan pembangunan. Di samping itu, produk sektor E&E di Pulau Pinang telah mula mempelbagaikan daripada produk elektronik pengguna sentrik (consumer electronics products centric) kepada produk aplikasi perindustrian, seperti produk untuk kegunaan infrastruktur telekomunikasi dan pusat data (data centre). Kepelbagaian ini dapat mengurangkan kesan negatif terhadap krisis ekonomi berlaku.